




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 31 RABU 1HB. OGOS, 1973. 1393 رابو 2 رجب PERCHUMA



8 orang tahanan melarikan diri, sikap k'jaan M'sia di-kesali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan dan rakyat serta penduduk Negeri Brunei merasa bimbang dan menyesali sikap kerajaan Pusat Malaysia yang memberi perlindungan kepada lapan orang pelarian dari Khemah Tahanan Berakas.

Di-antara lapan orang itu, termasuk tiga orang tahanan yang pernah melarikan diri ka-Limbang dalam bulan Nobember tahun lepas.

Sa-telah di-tahan sa-lama sa-bulan, ketiga2 pelarian itu telah di-sehahkan balek ka-Brunei oleh pihak

yang berkuasa di-Limbang atas arahan kerajaan Pusat Malaysia.

Tetapi satu keadaan yang membingungkan telah timbul apabila diketahui yang ketiga2 bekas pelarian itu telah lari sa-mula dari Khemah Tahanan Berakas dengan membawa lima orang tahanan yang lain, sementara pihak Malaysia pula telah memberikan perlindungan kepada mereka.

Kedudukan ini telah menjadi satu tanda tanya yang besar kepada rakyat dan penduduk Negeri Brunei akan tujuan2 yang sebenar-nya dalam tindak tandok kerajaan Malaysia itu.

Demikian terkandung dalam kenyataan kerajaan yang telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada 25hb. Julai dan telah di-bachakan oleh Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz.

Kenyataan itu menegaskan bahawa kerajaan dibawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan rakyat Baginda yang taat lagi setia mensifatkan kejadian itu sa-bagai satu perbuatan yang menchabul keamanan, kesejahteraan dan keselamatan bangsa dan negara Brunei.

Yang lebeh di-kesali perbuatan itu ada-lah satu perbuatan yang bertentangan dengan hukum Allah apa lagi ianya di-lakukan oleh sa-buah negara jiran yang mempunyai ugama yang sama.

Menurut kenyataan itu, peristiwa dan sikap yang telah di-ambil oleh Malaysia itu dipandang oleh Brunei sa-bagai satu pengkhianatan yang serius yang di-limparkan kepada rakyat dan Negeri Brunei Darus-Salam.

Kerajaan k e b a w a h D.Y.M.M. tegas kenyataan itu, akan mengambil tindakan2 terhadap penchabulan itu

(Lihat muka 8)

K'jaan boleh merampas beras yang di-sembojukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan akan menggunakan kuasa undang2 untuk merampas barang2 yang tersimpan dalam setor2 yang tidak di-umumkan, atau yang tidak mempunyai papan2 tanda, baik yang di-punyai oleh pekedai2 mahupun orang2 per-sendirian.

Kuasa undang2 itu akan mula bertindak terhadap setor2 yang di-punyai oleh pekedai2 sama ada yang ter-

letak di-kawasan2 Kampong Ayer, Bangunan2 di-dalam dan luar bandar.

Tindakan ini di-ambil berikutan dengan beberapa bakti terhadap sikap pekedai2 di-negeri ini sengaja menyembunyikan beras di-setor masing2 yang di-buat sa-chara gelap atau tidak mempunyai sa-barang papan tanda.

Dalam satu temu-ramah khas yang di-siarkan melalui Radio Brunei pada minggu lalu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menasehatkan pekedai2 di-negeri ini supaya membuat papan2 tanda yang menunjukkan setor2 atau tempat2 simpanan barang itu di-punyai oleh pekedai2 yang tertentu. (Temu-ramah se-penoh-nya di-siarkan di-muka 4).

Menurut beliau, jika pekedai2 itu enggan berbuat demikian, maka Kerajaan akan merampas barang2 yang terdapat dalam setor2 yang di-anggap haram itu, dan semua barang2 dari rampasan itu akan di-istiharkan sa-bagai barang2 yang tidak mempunyai tuannya.

Dalam pada itu, menurut Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, pekedai2 yang menurut peratoran2 dan patoh kepada kehendak undang2 dengan melaporkan kepada Pengawal Setor2 dan Perbekalan Negara, di-mana letak-nya setor2 mereka itu, dan membubuh papan2 tanda2 tidak akan terlibat dalam pelaksanaan undang2 itu.

(Lihat muka 8)

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Temburong pada hari Selesa minggu lalu untuk memereksa perbarisan kehormatan sempena puja usia Baginda yang ke-27 tahun.

Dalam Istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia telah membalas dan menerima tabek kehormatan dari pasukan2 yang mengambil bahagian yang di-perentahkan oleh Major Ariffin bin Haji Abd. Wahab.

Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia ketika memereksa pasukan kawalan yang membawa Panji2 Baginda dan Panji2 Colonel-In-Chief dalam Istiadat perbarisan yang telah diadakan di-Bangar itu.

Tahniah Pmk. S.U.K. kepada pegawai2 yg menubuhkan BATEFL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz hari ini telah meng-alukan2, dan menguchapkan tahniah atas inisiatif pegawai2 Jabatan Pelajaran kerana menubuhkan Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing di-negeri ini (BATEFL).

Yang Berhormat itu mengharap-kan, langkah sukarela seperti itu, akan terus di-larutkan kepada aspek2 yang lain, yang berkeabajikan yang seharusnya di-niat dan di-laksanakan sa-mata2 untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan

penduduk negeri ini.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah berkata demikian semasa merasmikan Pameran Buku2 dan Penyampaian Hadiah Keselamatan Jalan Raya yang di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Beliau juga menguchapkan tahniah kepada pemenang2 peraduan mengarang poster keselamatan jalan raya dari sekolah2 menengah dan rendah seluruh negeri dan mensifatkan semangat penyertaan tersebut ada-lah salah satu yang

(Lihat muka 5)

KENYATAAN KERAJAAN MENGENAI PELARIAN ORANG2 TAHANAN

SATU kejadian pelarian orang2 tahanan telah berlaku pada sa-belah malam 12hb. Julai, 1973 yang mengandungi:-

Samad bin Jamaluddin, Yusof bin Ibrahim, Ghani bin Metussin, Zaini bin Haji Ahmad, Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud, Mohd. Yassin bin Abdul Rahman @ Yassin Affendy, Othman bin Latif dan Omar bin Tamin.

Sa-telah di-siasat dengan teliti pelarian2 ini ada-lah nyata sa-bagai satu pelarian yang di-ran-chang oleh satu kumpulan pengkhianat kepada Negera Brunei Darus Salam yang berpuncha dari sa-buah negara tetangga. Dalam hasil penyiasatan itu ada-lah nyata bahawa pehak yang merancang pelarian itu telah menjalankan beberapa hasutan terhadap orang2 yang bertugas di-Khemah Tahanan yang juga datang-nya dari negara tetangga itu. Antara lain orang2 yang bertugas itu telah melancarkan dan mengadakan perkakas2 untuk memotong serta merosakkan pagar2 besi dan da-wai berduri di-suatu tempat yang tertentu di-Khemah Tahanan Berakas dan seterusnya pada malam itu membawa orang2 tahanan itu dengan menggunakan sa-buah kenderaan menuju ka-Pangkalan Si-Babau di-mana kumpulan pelarian itu telah di-bawa dengan memakai kenderaan laut ka-Limbang. Di-Limbang ada-lah di-fahamkan mereka telah di-layan oleh pehak yang pada masa ini menjalankan kuasa dan dari Limbang-lah mereka telah di-terbangkan ka-sabua negeri asing yang di-agak sa-bagai puncha kepada pengkhia-natan pada pelarian orang2 tahanan itu.

Warder yang bertugas di-tempat pagar dawai yang telah di-potong pada malam itu ia-lah Warder 19 Mat Desa dari Ipoh, Negeri Perak, Malaysia dan dari hasil penyiasatan terhadap pelarian itu telah menunjukkan bahawa Mat Desa dari Ipoh, Negeri Perak telah memberikan bantuan bagi merosakkan pagar dawai berduri itu dan seterusnya membawa orang tahanan itu lari ka-Limbang.

Satu kejadian yang agak ganjil telah berlaku sa-minggu sa-belum pelarian itu ya'ni pada 5hb. Julai, 1973, Pegawai Kanan di-Khemah Tahanan Berakas bernama Raja Azlan sa-orang warganegara Malaysia yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sejak 1963 telah meninggalkan Negeri Brunei dengan semana-mana.

Sa-lain dari dua orang yang boleh di-sifatkan sa-bagai pengkhianat kepada bangsa dan negara ia-lah dua orang raayat yang bernama Morshidi bin Othman dan Awangku Hamzah bin Pengiran Salleh yang juga memberikan bantuan dalam pelarian ini terus ikut sama lari ka-Limbang dan dari Limbang ka-Kuching.

Pelarian delapan orang tahanan yang telah berlaku pada 12hb. Julai, 1973 itu bukan-lah pelarian yang pertama dari Khemah Tahanan Berakas. Dalam bulan Noverber tahun lepas ya'ni tahun 1972, tiga orang dari delapan orang itu ya'ni i) Abdul Samad bin Jamaluddin, ii) Mohd. Yusof bin Ibrahim dan iii) Ghani bin Metussin, telah lari dari Khemah Tahanan di-Berakas dan menyerah diri di-Balai Pulis Limbang. Akan tetapi, sa-telah di-tahan sa-lama tiga-puluh hari di-sana, maka pehak yang menjalankan kuasa di-Limbang atas arahan Kerajaan Pusat Malaysia, telah menyerahkan ketiga2 orang tahanan itu balek kepada Pasukan Pulis Diraja Brunei. Sekarang sa-bagaimana yang telah berlaku pada 12hb. Julai, 1973, tiga orang tahanan yang sama ya'ni Abdul Samad bin Jamaluddin, Mohd. Yusof bin Ibrahim dan Ghani bin Metussin, telah lari lagi dengan membawa bersama2 mereka lima orang tahanan yang lain itu yang mana ka-lapan2 orang itu sekarang termasuk yang tiga orang da-hulu-nya telah di-berikan perlindungan oleh Kerajaan Pusat Malaysia. Dan perkara ini tentu-lah akan menjadi ianda-tanya kepada raayat dan penduduk Negeri Brunei yang jujur bahawa apa-kah tujuan Kerajaan Malaysia menyerahkan balek tiga orang tahanan yang telah lari dalam bulan Noverber tahun lepas itu, dan sekarang telah lari sekali lagi dengan membawa lima orang tahanan yang lain dan yang mana mereka itu ke-semua-nya sekarang telah di-berikan perlindungan.

(Lihat muka 6)



PASOKAN Ketua2 Jabatan yang di-ketuai oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan terek kalat antara pasokan2 Y.T.M. Wazir2 dan Y.A.M. Cheteria2; Yang Di-Muliakan Menteri2 dan Menteri Darat/Pendalaman dan pasokan Ketua2 Kampong di-Daerah Muara (gambar atas)

Dalam perlawanan itu pasokan Ketua2 Jabatan telah mengalahkan pasokan Y.T.M. Wazir2 dan Y.A.M. Cheteria2 dalam perlawanan akhir.

Sementara itu pasokan Ketua2 Jabatan juga telah berjaya memenangi perlawanan bola sepak khas dengan mengalahkan pasokan Y.T.M. Wazir2 dan Y.A.M. Cheteria2 dengan dua gol tidak berbalas.

Kedua2 perlawanan itu di-adakan sa-bagai salah satu acara bagi meraikan sambutan puja usia Duli Yang Maha Mulia yang ke-27 bagi Daerah Brunei-Muara dan kedua2 perlawanan itu telah di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Sumbiling jadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. Persatuan Belia Sumbiling telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan bola 7 orang sa-pasokan sa-telah mengalahkan 28 pasokan yang lain kerana merebut piala yang di-hadiahkan oleh Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad, yang berlangsung di-padang SMJA pada hari Jumaat lepas.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan PERANGKAB sa-bagai sa-bahagian dari acara perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 bagi Daerah Brunei-Muara.

Dalam Perlawanan itu Sekolah Latehan Pertukangan Bangunan Jalan Muara telah menjadi naib johan dan tempat ketiga di-menangi oleh Persatuan Kampong Saba.

Sementara itu perlawanan akhir bola sepak antara mukim akan di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Ahad 5hb. Ogos.

Dalam perlawanan itu pasokan mukim Lambak akan bertemu dengan pasokan mukim Muara.

Pemenang lumba bernang 24 jam

BERAKAS. — Pasokan Persatuan Renang Amatir Negeri Brunei telah berjaya menjadi johan dalam temasha lumba bernang berganti2 24 jam yang telah di-adakan di-kolam bernang Lembaga Bandaran Berakas

Tempat kedua di-menangi oleh pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan pemenang ketiga ia-lah pasokan Sekolah Latehan Pulis Diraja Brunei.

Perlawanan itu ada-lah sa-bagai salah satu acara sambutan hari puja usia D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan telah di-adakan dari jam 6.00 petang 28hb. Julai dan berakhir jam 6.00 petang 29hb. Julai.

MAJLIS KESHUKORAN

KUALA BELAIT. — Satu majlis keshukoran dan do'a selamat untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh penduduk2 di-Pekan Belait telah di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait minggu lalu.

Majlis itu telah di-hadiri oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, ahli2 jawatankuasa sambutan perayaan dan murid2 sekolah.

Majlis yang sama juga telah di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria pada hari Jumaat 27hb. Julai yang lalu.

Kolera di-Sabah

PENGARAH Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei, telah menerima maklumat bahawa beberapa kejadian wabak kolera telah berlaku di-Kota Kinabalu, Sabah baru2 ini.

Semua barang2 makanan yang boleh busuk dari Sabah, ada-lah di-larang dari di-bawa masuk kan-negeri ini sa-hingga di-umumkan kemudian.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya mengambil langkah2 yang perlu untuk mengelakkan penyakit tersebut dari merebak kan-negeri ini.



JABATAN Perkhidmatan Bomba telah memenangi perlumbaan perahu antara jabatan2 kerajaan yang telah di-adakan di-Sungai Brunei pada 16hb. Julai yang lalu.

Lumba 15 orang itu ada-lah acara tahunan dalam temasha lumba perahu sempena menyambut hari puja usia Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Jabatan Bomba juga telah memenangi perlumbaan itu dalam tahun2 1969, 1970 dan 1971.

Gambar atas menunjukkan Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang E.C.G. Simpson bergambar dengan anggota bomba yang menyertai perlumbaan itu.

BAHAWASA-NYA sekarang ia-lah masa kemajuan dan mengejar ilmu pengetahuan kerana pada masa sekarang ilmu pengetahuan-lah satu senjata hidup yang terbesar dan terpenting bagi sa-genap peringkat manusia. Bangsa yang rendah tingkatan pelajaran-nya dan mundur gerakan pengetahuan-nya akan menjadi hamba abadi kepada yang lebeh tinggi pengetahuan dan lebeh maju keadaan-nya di-lapangan apa yang kita hendak cheborkan diri kita, maka sharat utama mesti-lah berilmu pengetahuan.

Kalau dunia yang kita hendak kejarkan, maka kita mesti isikan diri kita dengan ilmu pengetahuan. Kalau akhirat yang kita hendak tumpukan, maka mesti-lah kita penohkan dada kita dengan ilmu pengetahuan dan kalau-lah kita hendak chatomkan dunia dan akhirat menjadi tujuan hidup kita, maka mesti-lah kita jadikan ilmu pengetahuan itu senjata hidup kita yang utama sekali. Bagitu-lah maksud-nya dari suatu hadith Rasulullah.

Bagi kita umat Islam, sudah pun di-anjorkan oleh Rasulullah bagaimana chara2 hidup di-dunia supaya mendapatkan kebahagiaan dan kesenangan dan apabila mati kelak mendapat nikmat dan kemewahan di-dalam shorga yang telah di-sediakan kepada orang yang taat dan patoh kepada perintah Allah. Uga-ma Islam bukan-lah mengutamakan dunia sa-mata2 dan bukan juga menumpu ka-akhirat sahaja sa-bagaimana sangkaan sa-tengah orang2 kita, ugama Islam ia-lah satu ugama yang menumpu ka-arrah akhirat, tetapi tidak melupai dunia, tegas-nya dunia dan akhirat pada pandangan Islam ada-lah sama2 penting, kebahagiaan sa-seorang di-akhirat kelak ada-lah sa-mata2 hasil amalan dan derma bakti di-dunia ini sahaja kalau sekiranya sa-seorang itu memandang dunia ini tidak ada harga bagi diri-nya dan dia tidak

Ilmu pengetahuan ada-lah senjata hidup yang utama bagi semua peringkat manusia



KHUTBAH JUMA'AT

menjadikan dunia ini tempat merebut kebahagiaan-nya di-akhirat kelak maka dia akan menanggung kerugian yang amat besar di-akhirat nanti. Nabi pernah berdo'a sa-tiap kali lepas sembahyang memohon kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat juga. Do'a tersebut bermaksud:

"Hai Tuhan kami kurniakan-lah kepada kami di-dunia ini kebajikan dan di-akhirat kelak kebajikan juga dan pelihara-lah kami dari azab api neraka".

Ini hanya satu permintaan dan permohonan kepada Allah, adakah Tuhan akan kembalikan permohonan sa-orang hamba sekira-nya permohonan itu hanya semata2 dengan lidah sahaja, tetapi tidak di-sertakan dengan amal dan ikhtiar dan dengan tidak menyediakan sebab2 dan ator-an2 mendapat-nya. Sa-barang kebahagiaan dan kebajikan tidak akan datang dengan sakadar di-serukan dan di-pinta sahaja, tetapi mesti-lah di-sertakan dengan amalan dan ikhtiar, sa-barang amalan dan ikhtiar tidak membuahkan hasil yang sempurna dan memuaskan hati sekira-nya tidak di-dorong dan di-pimpin oleh ilmu pengetahuan. Di-sini-lah baru kita sedar bagaimana penting-nya ilmu pengetahuan bagi manusia.

Bagaimana telah di-terangkan tadi bahawa ilmu pengetahuan itu senjata hidup yang penting, maka orang yang tidak ada ilmu pengetahuan itu serupa-lah orang yang mengharungi medan peperangan dengan tidak bersenjata. Apakah akibat-nya kalau ka-medan perang dengan tidak bersenjata? Akibat-nya nyawa-lah yang akan melayang. Bagitu-lah kalau hidup tidak berilmu pengetahuan akibat-nya kebahagiaan, kebajikan dan kesenangan-lah yang akan hilang dan pupus. Segala perjuangan akan kechewa, segala kemahuan akan lepas dan segala chita2 akan tinggal menjadi chita2 sahaja.

Sa-telah kita mengetahui bagaimana penting-nya ilmu pengetahuan bagi sa-tiap orang yang ingin hidup baha-

gia di-dunia dan di-akhirat, maka dari sekarang belajar-lah dan tuntut-lah ilmu pengetahuan yang berguna kepada kehidupan kita di-dunia dan yang mendatangkan kebahagiaan kepada kehidupan kita di-akhirat kelak. Kalau ada di-antara kita yang bersungut, macham mana hendak belajar sedangkan masa belajar sudah lepas, maka ingat-lah bahawa Nabi pernah bersabda kepada sa-orang lelaki yang telah bersungut sa-bagaimana sungut-nya itu juga ketika Nabi menyuruh ia belajar yang bermaksud: "Tuntut-lah ilmu itu dari buaian hingga sampai keliang lahat".

Hadith ini menyuruh orang bersungguh2 menuntut ilmu seberapa banyak yang mungkin di-perolehi dengan tidak usah merasa jemu dan bosan. Hingga ia di-beri tempoh yang tidak berkechuali ia-itu sa-umur hidup-nya. Bagitu-lah luas dan lapang-nya untuk belajar bagi kita umat Islam. Kalau kita yang sudah tua pada hari ini berasa menyesal di-atas kechuaian pada menuntut ilmu pengetahuan di-waktu maseh muda, maka hantar-lah anak2 kita ka-tempat2 pelajaran, buka-lah peluang belajar kepada anak2 dengan seluas2-nya supaya mereka tidak menyesal sa-bagaimana sa-bilangan kita menyesal hari ini.

Sambutan Isra' dan Me'raj di-Temburong

TEMBURONG. — Daerah Temburong akan mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj dan Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Quran bertempat di-Dewan Pekan Bangar pada 25hb. Ogos ini mulai jam 7.30 malam.

Peraduan membacha Quran itu ada-lah bagi memilih wakil Daerah Temburong untuk mewakili daerah itu ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan tidak beberapa lama lagi.

Satu pemilihan akan di-adakan di-Dewan Mesjid Utama Mohammad Salleh pada 17hb. Ogos.

Borang2 untuk menyertai peraduan membacha Al-Quran itu boleh di-dapati dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Temburong dan hendak-lah dikembalikan tidak lewat dari 11hb. Ogos, 1973.

Lain2 achara yang akan dipersembahkan dalam sambutan Isra' dan Me'raj dan Peraduan Membacha Quran itu ia-lah sharahan khas mengenai Isra' dan Me'raj, bacaan sajak dan lain2 achara yang berchorak ugama.

Lanjutkan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. Dua orang penuntut ugama Brunei yang menuntut di-Sekolah Ugama Al-Junid Singapura akan melanjutkan pelajaran mereka ka-Universiti Al-Azhar Kaherah.

Mereka ia-lah Awang Talib bin Apong dan Awang Aliuddin bin Yaakob.

Majalah Tafsir siri ke-20

BANDAR SERI BEGAWAN. Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-20 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-nashkah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (224) hingga (235) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muar, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1hb. Ogos, 1973 hingga ka-hari Selasa 7hb. Ogos, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari						Matahari		
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit	
1hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
2hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
3hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
4hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
5hb. Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16	
6hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
7hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(1hb. Ogos. 1973)

PERANAN WANITA

PERANAN wanita di-Brunei pada awal tahun 70an ini nampaknya lebeh maju dan aktif jika di-bandingkan pada tahun2 sa-belum-nya.

Ini bukan-lah berma'ana di-tahun2 kebelakangan ini kaum wanita di-Brunei tidak bergerak chergas dalam usaha mereka membuat kerja2 berkebaikan malah boleh di-sifatkan dari situ-lah mula bertapak-nya asas kegiatan mereka dalam menumpukan tenaga berfikir dan sa-terus-nya bergerak bersama2 kaum lelaki dalam usaha2 yang mendatangkan kebaikan untuk masyarakat dan negeri.

Peralihan fikiran dari wanita2 yang sa-lama ini mempunyai perasaan rendah diri, segan dan pemalu telah di-dorong oleh semangat kesedaran dan ilmu pengetahuan tinggi yang selalu-nya menghargai nilai2 tamaddun dunia.

Kegiatan2 mereka telah terbukti dalam apa jua jurusan, sama ada di-bidang pelajaran, sokan, hal2 kemasyarakatan dan lain2 yang semua-nya tenaga dan usaha mereka patutlah di-banggakan.

Ketika pameran2 di-adakan baru2 ini di-seluruh negeri telah nampak pada kita bahawa hasil usaha mereka yang tekun dan rajin itu telah membuahkan banyak kemajuan yang boleh di-harap2kan.

Kita telah di-fahamkan bahawa pameran yang di-adakan baru2 ini telah meluas ka-seluruh negeri yang bertujuan lebeh ramai lagi wanita2 di-daerah2 pendalaman dapat menyertai dan menyaksikan hasil kerja tangan pelajaran dewasa urusan rumah tangga.

Menurut Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Umar bin Muhammad bahawa sambutan kaum wanita di-negeri ini terhadap pelajaran dewasa sangat2-lah menggalakkan jika memandang kepada keramaian pelajaran pada masa ini berjumlah lebeh dua ribu orang di-106 buah kelas dewasa dengan ramai guru-nya sa-banyak 36 orang yang terdiri dari anak2 tempatan.

Meskipun pelajaran sains dan teknologi merupakan faktor penting bagi sa-beberapa negara membangun tetapi pelajaran teknik dalam arena urusan rumah tangga juga tidak kurang penting-nya demi keharmonian kehidupan masyarakat seluruh negara.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika merasmikan pameran itu telah menyeru kaum wanita di-Brunei supaya berusaha lebeh giat lagi dalam membuat kerja2 yang berkebaikan khas-nya untuk meningkatkan taraf kaum wanita di-negeri ini.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Saperti yang telah di-maklumi dan telah pun di-tumbulkan dalam dialog di-Sekolah Melayu SUAS, di-Pekan Muara baru2 ini, nampak-nya soal beras telah menjadi satu masalah yang mungkin membimbangkan atau pun mendatangkan kebingungan di-kalangan rakyat. Untuk penerangan yang lebeh lanjut, boleh-kah Dato memberi penjelasan dan apa-kah benar yang negeri kita ini sekarang ini menghadapi kekurangan beras?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Dalam pengalaman negeri ini Alhamdulillah atas kebijaksanaan Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, Negeri Brunei tidak mengalami sebarang kekurangan beras, kerana kita telah mengikat satu perjanjian di-antara kerajaan Brunei dengan kerajaan Thailand (Siam) bahawa kita akan mendapatkan sa-bilangan beras yang cukup untuk memenuhi keperluan negeri ini dan perjanjian itu masih berjalan kuat-kuasa-nya sa-hingga sekarang. Sebenar-nya pada masa ini sa-bagaimana yang telah di-terangkan atau di-sabdakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam majlis dialog yang disebutkan itu tadi, keperluan beras sa-hingga sekarang masih mencukupi bagi tempoh sekurang2-nya 10 bulan dan dalam pada itu dalam bulan Ogos ini insya Allah kita akan memasokkan lagi beras saperti biasa tidak kurang 1,800 tan beras. Dengan kemasokkan yang baru ini dan stock yang ada dalam setor pada masa ini bolehlah di-katakan beras kita insya Allah tidak akan kehabisan dalam jangka waktu sa-tahun atau lebeh. Dalam jangka waktu sa-tahun atau lebeh barang setenutu-nya-lah kerajaan k e b a w a h D.Y.M.M. akan terus berusaha pada mendapatkan beras saperti biasa daripada Siam menurut perjanjian yang telah di-ikat itu.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Jadi nampak-nya di-negara kita ini, Dato tiak-lah akan kekurangan beras. Dengan hal yang demikian tentu-lah kedai2 di-negeri ini di-bekalkan dengan sa-chara yang mencukupi untuk keperluan rakyat. Tapi bagaimana pula aengan pendapat Dato berkaitan dengan ada-nya kedai2 yang tiak mau menjual beras dengan alasan yang mereka itu tidak mempunyai simpanan, bahkan ada yang mengatakan yang kedai2 mereka itu sudah kehabisan beras, bagaimana itu Dato?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Ini-lah satu masalah yang sekarang kita nadapi terdapat di-antara kedai2 itu mengatakan tidak ada beras wal hasil Kerajaan D.Y.M.M. melalui jabatan Sektor Negara pada masa ini saperti biasa mengemukakan beras kepada penjual2 beras ini. Nampak-nya perkara yang saperti ini ada kemungkinan sa-satu penak (pehak2 penjual) di-kedai2 memiliki kan atau menyangka bahawa ada kemungkinan kenaikan harga memandang kepada kesuntukan2 yang di-khabarkan pada masa ini, jadi beras itu harus di-simpan di-tempat lain atau pun 'di-tapok' atau pun di-taruh dengan harapan apabila harga beras itu tinggi atau pun naik, maka baru-lah beras itu akan di-junterahkan-nya balek. Masalah keuntungan inilah yang menjadi konsep yang nampak-nya tiap2 perniagaan di-kedai2 dan mengambil untung yang lebeh tinggi daripada apa yang sepatut-nya. Barangkali inilah yang merupakan terdapat-nya kekurangan beras, tapi dari segi perkiraan di-negeri ini ia-itu diambil daripada segi bilangan pen-

SEMENJAK beberapa hari kebelakangan ini, orang ramai di-seluruh negeri telah merasa gelisah mengenai dengan masalah beras di-negara kita ini. Macham2 khabar telah di-dengar — ada yang mengatakan harga beras akan naik dan ada pula yang mengatakan negeri kita ini kekurangan bekalan beras dan berbagai2 berita lagi yang tidak munasabah mengenai perkara ini.

Untuk menghilangkan keraguan orang ramai, maka di-sini di-siar kan temu-ramah khas antara Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dengan Pengelola Rancangan Bahagian Melayu, Awang Abd. Wahab Muhammad mengenai dengan perkara tersebut.

Temu-ramah ini telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada malam Rabu yang lalu.

KITA PUNYAI BEKALAN BERAS YG. MENCHUKOPI — Pmk S.U.K.

duduk seluruh negeri dengan ada-nya beras pada masa ini di-setor2 kerajaan tidak-lah ada satu sebab atau pun bukti yang menunjukkan kita kekurangan beras.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Dasar Kerajaan D.Y.M.M. ialah untuk memberikan kebahagiaan dan kesenangan kepada rakyat Baginda, bagaimana-kah pandangan Dato jika terdapat penyimpan2 rahsia terhadap beras yang di-bekalkan atau dengan perkataan kita di-sini "di-tapok"?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Kita telah mengadakan satu perundingan dengan penak2 yang berkenaan, mulai sekarang jika terdapat sa-satu kumpuan atau sa-siapa juga menapok atau pun menaron beras ini, tiak mahu dijual sa-bagaimana yang di-matkan oleh kerajaan D.Y.M.M. ia-itu pada menyenangkan rakyat dan penduduk di-negeri ini, maka kerajaan boleh merampas beras itu menurut Undang2 dan beras itu akan di-simpan oleh kerajaan sa-hingga pehak tuan punya itu datang memohon untuk di-kembali kan sa-mula, itu-pun menurut Undang2. Apa yang berlaku dalam beberapa hari ini ia-lah tiap2 tuan punya setor, sama ada kedai, flat atau pun rumah2 di-Kampung Ayer atau pun apa juga jenis bangunan yang tempat mereka menyimpan beras ini hendak-lah dengan sa-chara suka rela supaya menyatakan kepada kerajaan bahawa setor itu kepunyaan si-polan bin si-polan. Dengan jalan itu kita akan dapat mengetahui siapa-kah yang empunya setor2 beras yang banyak terdapat di-kawasan2 Lembaga Bandaran atau pun di-kawasan2 Kampung Ayer dan sa-paroh di-kawasan2 pendalaman pada masa ini. Mana2 tuan2 punya kedai atau tuan2 punya setor yang tidak mengemukakan kepada kerajaan itu, maka kita akan menyalurkan tindakan undang2 termasuklah kuasa kerajaan untuk mengambil alih beras itu yang mana boleh di-sifatkan sa-bagai beras yang tidak mempunyai tuan.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Jadi kita berharap semua rakyat di-negara kita ini akan terus bekerjasama dengan pehak Kerajaan dalam perkara ini. Sa-takat ini, Dato ada-kah sudah kedai2 yang di-ambil tindakan mengenai dengan penapokkan beras ini?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Tindakan yang di-jalankan pada masa ini ia-lah tindakan apa yang di-katakan sa-bagai tindakan pentadbiran atau pun 'administrative action' ia-itu melibatkan tiap2 kedai yang mempunyai beras, tetapi enggan untuk menjual dan tidak mahu menjual dengan mengatakan tidak ada beras, awal hasil ada di-dapati beras di-simpan dalam kedai itu, maka kita "lungsurkan" dia daripada daftar orang2 yang di-bekalkan dengan beras daripa-

da kerajaan. Sa-takat ini kita telah batakan lima pekedai2. Ke-lima2 buah kedai ini telah di-lungsurkan daripada mereka yang di-bekalkan beras oleh kerajaan. Sa-takat ini belum-lah lagi ada menerima apa2 laporan yang kita terima daripada Daerah Tutong, Temburong atau Belait. Saya anggap barangkali di-sana tidak-lah ada apa2 masalah yang di-hadapi saperti yang di-alamai oleh masyarakat di-Bandar Seri Begawan pada masa ini.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Bagaimana pula tindakan Kerajaan jika di-dapati atau terbukti ada-nya orang2 yang melarikan beras dari Brunei dan apa-kah tindakan Kerajaan jika terbukti penapokkan beras di-kalangan pekedai2 di-seluruh negeri ini?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Melarikan beras dari Brunei kita ada undang2 ia-itu di-bawah Undang2 Kastam, beras tidak boleh di-expot atau di-keuarkan dari negeri ini. Jika terdapat sa-siapa mengeluarkan beras dengan tidak mempunyai kebenaran yang sah daripada kerajaan D.Y.M.M., maka pertama beras-nya itu boleh di-rampas dengan serta merta dan yang kedua dia boleh di-hukum atau pun di-dakwa menurut undang2 ia-itu di-bawa ka-mahkamah dan dalam hal ini sa-bagaimana yang telah di-sabdakan oleh Y.A.M. Pengiran Dipa Negara, Kerajaan tidak ragu2 akan membawa orang2 saperti ini ka-mahkamah dan sa-terus-nya merampas beras yang akan di-bawa-nya keluar itu. Berthabit dengan hal ini kerajaan juga di-bawah Undang2 Kastam boleh merampas sa-barang beras yang di-shaki untuk di-bawa keluar negeri, jadi bukan saja beras itu di-bawa keluar negeri baru menjadi kesalahan, sa-hingga di-shaki pun yang beras itu besar kemungkinan akan di-larikan ka-luar negeri, itu pun kerajaan boleh bertindak dan insya Allah akan di-jalankan tindakan demi untuk kesempurnaan dan kemakmoran rakyat negeri ini. Dan masalah penapokkan beras di-kalangan pekedai2 kita di-sini, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa jika terdapat perkara2 yang saperti ini terutama sekali thabit daripada mengaduan orang ramai, kerajaan insya Allah akan menyalurkan tindakan2 pada menghapus tabiat2 yang sa-sifatkan anti-kemakmoran dan kesempurnaan hidup rakyat dan penduduk yang ingin hidup sa-chara aman damai dan makmur di-negeri ini.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Mengenai dengan soal beras ini Dato, orang ramai nampak-nya di-Bandar Seri Begawan ini begitu binggong dan gelisah tentang khabar2 angin mengatakan harga beras akan bertambah naik daripada masa sekarang ini, apa-kah ini nanti jika sekira-nya beras yang

(Lihat muka 5)

KHABAR2 ANGIN BOLEH MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN NEGARA

(Dari muka 4)

baru di-import oleh Kerajaan dalam tempoh yang akan datang ini adalah akan di-naik harga-nya daripada masa sekarang ini?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Harga beras yang ada sekarang ialah seperti yang ada sekarang dan kenaikan atau pun turun-nya harga beras yang akan datang kita tidak tahu bila ada-lah bergantong kepada keadaan pasar ya'ni pasaran dunia, jika kita membeli-nya mahal, maka terpaksa-lah harga beras akan di-naikkan dan jika kita membeli lebih murah kita akan turunkan juga seperti biasa, jadi kerajaan D.Y.M.M. pada membekalkan beras menurut perjanjian yang di-buat di-antara Brunei dengan Negeri Siam, boleh-lah di-katakan menjalankan perkara ini tanpa sebarang keuntongan, jadi sa-mata2 untuk memberikan satu perkhidmatan istimewa kepada rakyat di-negeri ini.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Beraleh pula mengenai buroh yang juga di-bangkitkan dalam majlis dailog di-Muara baru2 ini, boleh-kah Dato memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai dengan lesen mengambil pekerja2 asing, sama ada ia-nya ada pembayaran atau pun tidak?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Pemohonan untuk mendapatkan lesen kerja atau pun pas-kerja atau pun di-sebut Labour Quota daripada Pejabat Buroh, Pas Kerja daripada Pejabat Imigresen ada-lah satu perkhidmatan yang di-berikan oleh kerajaan D.Y.M.M. sa-chara perchuma, tidak ada sa-suatu bayaran pun di-kenakan. Sa-benar-nya permohonan itu adalah di-pertimbangkan menurut asas2 yang tertentu ia-itu keperluan2 kepada negeri ini sa-bagaimana yang pernah saya sebutkan dan juga ya n g di-sabdakan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar. Masalah mendapatkan borang, masalah mendapatkan kebenaran sama sekali tidak melibatkan bayaran apa jua pun.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Bagaimana tindakan Kerajaan jika terbukti ada-nya pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan yang menyelewingkan dasar atau mempergunakan nama Kerajaan bagi kepentingan diri sendiri termasuk-lah apa yang di-katakan rasuah atau pun 'tumbok rusok', ada-kah undang2 khas untuk mencegah perbuatan2 yang tidak baik itu Dato?

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Dalam hal ini jika sa-seorang pegawai kerajaan, istimewa dalam hal yang kita bincangkan ini terdapat meminta upah atau minta bayaran kepada sesiapa pun yang memohon mendapatkan pas kerja atau pun Labour Quota atau pun apa jua sekali pun, maka ada undang2 yang terchatet yang boleh di-kenakan kepada pegawai itu dan ka-arrah ini kerajaan sama sekali tidak mempunyai keraguan untuk mengenakan tindakan tata-tertib terhadap pegawai2 kerajaan yang bersifat churang itu. Sa-lain daripada itu sa-chara pentadbiran, jika thabit sa-seorang mengupah atau pun memberi upah atau pun memberikan bayaran kepada pegawai2 kerajaan kerana mendapatkan sa-suatu perkara yang seperti ini, jika thabit perkara yang seperti itu, maka kerajaan D.Y.M.M. sama sekali tidak ragu2 untuk membatalkan apa jua permohonan2-nya dan menolak sebarang permohonan-nya mengenai

dengan perburohan. Jadi dua perkara — pegawai2 kerajaan ada undang2 tata-tertib dan kepada pemohon2 yang mempunyai sifat yang kurang elok itu, kita boleh kenakan tindakan pentadbiran ia-itu dengan tidak melayan sama sekali permohonan2-nya yang berkaitan dan ka-arrah ini insha Al'ah jika ada bakti2 yang nyata kita akan bertindak.

Awang Abd. Wahab Muhammad:

Sa-bagai mengakhiri temu-ramah ini, kami sukachita meminta kepada Dato untuk memberikan nasehat2 yang Dato fikirkan perlu untuk rakyat dan juga bagi peringatan yang penting kepada pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan dalam melaksanakan tugas2 yang telah di-amanahkan oleh Kerajaan D.Y.M.M. Silakan Dato.

Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Pertama mengenai beras: Saya ingin menasatkan dan meminta semua pekedai2 knas-nya atau pun an2 perniagaan supaya dengan serta merta menghadapkan kepada kerajaan ia-itu kepada Pengawal Seor Brunei segara setor2 beras mereka dengan mengatakan tempat dan banyak-nya beras yang disimpan dan seterusnya melekatkan di-tiap2 setor yang simpanan beras itu ada-lah kepunyaan mereka sendiri supaya orang2 yang seperti ini yang di-anggap sa-bagai mereka yang berkerjasama sa-chara sukarela dengan kerajaan D.Y.M.M. tidak akan di-kenakan undang2 seperti merampas itu kerana saya harap dengan nasehat ini ada-lah menchukopi supaya kerajaan tidak terpaksa menggunakan kuasa undang2 yang di-sebutkan pada awal tadi.

Menganai dengan perburohan saya minta atau menasatkan semua pemohon2 pas kerja dan saumpama-nya jangan-lah chuba atau pun mengachu2 untuk menawarkan upah atau bayaran kerana perkara2 yang seperti itu atau pun ia-nya di-pinta dengan sa-chara jujur dan ikhlas akan di-dapatkan dengan sa-chara perchuma tidak payah mereka berbelanja dan kepada pegawai2 kerajaan sa-bagaimana selalu di-nasehatkan hendaklah menjalankan tugas dengan sa-chara jujur dan dengan sa-chara ikhlas, kerana sa-tiap kejujuran dan keikhlasan itu sententiasa akan mendapat nikmat yang baik kerana sa-tiap kebaikan itu akan dibalas dengan kebaikan juga.

Berbalek kepada soal beras tadi kerana ini ada-lah merupakan apa yang di-katakan suatu kerisis dalam masyarakat kita pada masa ini. Mulai daripada hari ini sa-benar-nya saya ingin menyatakan bahawa sa-tiap2 pengerusi2 lembaga bandaran, pegawai2 daerah dan pengawal setor menurut kuat-kuasa undang2 Kastam telah juga dilantik bagi faedah2 ini sa-bagai pegawai kastam yang mempunyai kuasa untuk memastikan sa-suatu setor yang berisi benda seperti beras dan mereka ini akan menjalankan dari sekarang kuat-kuasa yang di-berikan, kerana bagi faedah2 memastikan beras2 yang di-taroh itu. Ka-arrah ini saya minta-lah kepada orang ramai khas-nya untuk memberikan apa juga laporan yang ada kepada pengerusi Lembaga Bandaran atau pun kepada pegawai2 Daerah supaya perkara yang kita hadapi bersama2 ini akan dapat kita hapuskan dalam jangka waktu yang pendek. Dan lagi saya juga mengingatkan istimewa kepada pekedai2 supaya jangan menuduh bahawa kerajaan menghadkan beras yang di-berikan atau pun di-bekalkan kepada mereka, kerana

perkara itu ada-lah jauh daripada benar, misa'an-nya saya dengar di-perchakapkan apabila orang mahu memoli beras chuma di-jual dua gantang sahaja, sa-gantang kadang2 tiga gantang dengan alasan bahawa kerajaan tidak mengeluarkan beras, ini adalah satu bidaah yang saya fikirkan sekali lagi sa-bagai satu tabi'at anti kemakmoran dan kesejahteraan rakyat di-negeri ini, kerajaan D.Y.M.M. sententiasa membekalkan beras kepada mereka yang menghendak-nya menurut peratoran2 yang berjalan pada masa ini yang telah di-dapati memuaskan dalam jangka waktu tiga, empat tahun yang sudah. Chara2 ini akan terus di-jalankan di-kechualikan kepada mereka yang telah di-keluarkan daripada daftar yang di-bekalkan daripada kerajaan itu. Bagi mereka yang menggunakan nama kerajaan itu, saya ingin menguatkan apa yang telah di-sabdakan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri di-Muara bahawa ada undang2 yang boleh di-kenakan kepada yang mengeluarkan khabar2 angin yang tidak betul yang boleh membahayakan keharmonian

dan masyarakat dan keselamatan negara dan undang2 itu menurut saoda itu boleh itu menguikumkan atau pun menjatuhkan hukuman sa-jumlah \$5,000.00 bila thabit kesalahan dan di-penjara atau pun kedua2-nya, ini ada-lah satu hukuman yang berat dan saya perchaya masyarakat negeri ini dan kerajaan D.Y.M.M. sendiri tidak berniat untuk menguatkuasakan kepada sa-siapa yang bersalah dalam hal ini, tetapi kira-nya terdapat tabi'at2 yang ingin menyebarkan khabar2 angin yang tidak betul itu yang boleh membahayakan maka barang tentu-nya kuat-kuasa undang2 itu akan di-jalankan. Saya menyeru kepada se'uor rakyat dan penduduk negeri ini supaya memberikan kerjasama pada mengatasi masaalah2 yang kita hadapi pada masa ini ia-itu demi untuk kepentingan dan keharmonian kehidupan rakyat dan penduduk negeri ini sendiri yang mana kerajaan D.Y.M.M. pada masa ini berniat dan seterusnya mengasoh dan mempertingkatkan lagi taraf keharmonian, kesentosaan serta keselamatan rakyat dan negara ini.

Majlis bertukar2 fikiran utk teliti masaalah rakyat

(Dari muka 1)

di-tekanan dalam ranchangan kemajuan negara yang baru yang sedang di-usahkan penyusunan-nya sekarang.

Ketika menyentoh mengenai Ranchangan Lima Tahun Kemajuan Negara Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan menerangkan, majlis2 dailog yang telah di-adakan di-beberapa tempat meliputi keseluruhan pelusok tanah ayer bertujuan untuk mendekatkan lagi antara Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan rakyat, dan rakyat kepada kerajaan.

Kata-nya, majlis tersebut yang di-adakan di-Pekan Muara baru2 ini ada-lah majlis yang terakhir, bagaimana pun majlis dailog yang di-adakan di-beberapa tempat sebelum itu yang memberikan pandangan dan pendapat rakyat serta penduduk negeri ini telah dapat di-kumpulkan dan ia-nya akan diteliti dalam process kemajuan negara lima tahun ini.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan, meski pun majlis2 dailog itu telah berakhir tetapi niat Kerajaan pada mendekatkan Kerajaan D.Y.M.M. kepada rakyat dan rakyat kepada Kerajaan untuk meneliti masaalah rakyat, maka majlis2 bertukar fikiran akan terus di-adakan.

Kata-nya, rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar akan terus mengadakan majlis bertukar2 fikiran istimewa sa-lepas mengadakan sambutan fardhu Jumaat bagi membantu rakyat untuk memberikan penerangan berhubung dengan kesulitan2 yang mereka hadapi.

Terdahulu sa-belum itu, Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu Awang Abdul Razak bin Mohamed ketika menyentoh mengenai Keselamatan Jalan Raya telah menegaskan, bahawa kesibokan lalu lintas di-jalan raya kian bertambah dan kadar kemalangan juga kian bertambah.

Kata-nya, kanak2 yang belajar di-sekolah2 sa-tiap hari pun ber-



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap di-majlis itu.

tambah dan ada-lah mustahak mereka mengetahui peratoran2 keselamatan di-jalan raya, dan Jabatan Pelajaran sedang giat melancarkan kempen di-sekolah2 kerana tujuan2 itu.

Menyentoh tentang kursus pengajian bahasa Inggeris, beliau menerangkan, sa-takat ini sa-ramai 250 orang guru dari sekolah2 rendah Melayu dan Persediaan Inggeris telah di-berikan kursus itu yang di-mulakan sejak tahun lalu.

Kata-nya, makmal bahasa telah di-pasang di-salah sa-buah sekolah menengah Melayu dan kursus2 yang menggunakan makmal bahasa di-negeri ini juga di-harapkan akan dapat di-adakan tahun depan.

Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris Awang M.T. Williamson telah menerangkan, bahawa persatuan itu telah di-tubuhkan tiga bulan yang lalu dengan mempunyai ahli sa-ramai 180 orang terdiri dari guru2 dan pegawai2 di-Jabatan Pelajaran.

Matalamat persatuan itu kata-nya ia-lah untuk meninggikan mutu pelajaran bahasa Inggeris dan mata2 pelajaran lain yang lazimnya di-amalkan di-negeri ini.

Datin Hajjah Zaharah binte Hj. Idris isteri kepada Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan mengarang poster keselamatan jalan raya di-majlis itu.

DALAM CHATATAN SEJARAH PERWIRA2 DAN PEMBESAR2 BRUNEI Bilangan 2 muka-surat 42 dan 43 terdapat satu teks yang di-ambil dari teks lama yang berbunyi:

"Bermula ada pun akan saudara Marhum Di-Tanjong baginda itu-lah yang tua anak gundek Pengiran Mahmud ia-lah yang berbuat bedil meriam Seri Negeri dan Deruis dan Si-Mambang ia-lah yang ampunya hamba orang Burong Pingai sa-orang pun tiada ka-tempat lain....."

Teks yang di-sebutkan adalah di-chabut dari teks tulisan lama yang di-agakkan di-tulis pada zaman Sultan Hassan dalam Tahun Masehi 1600an. Dalam pengertian teks yang di-sebutkan mengenai dengan perkataan "hamba", ada di-antara orang yang memahami bahawa "hamba" itu ada-lah "abdi atau ulun". Tetapi dalam teks ini pada pendapat saya "hamba" yang di-maksudkan itu bererti:—

(a) "pengikut" kerana orang Brunei ada mempunyai perkataan khas ia-itu "abdi atau ulun". Oleh kerana itu tidak-lah dapat di-ertikan "hamba" itu sa-bagai "abdi atau ulun";

(b) "raayat" kerana dalam teks lain ada pernah di-jumpai perkataan yang sa-rupa itu, ia-itu:—

"Ada pun Paduka Seri Sultan Omar Ali Saifuddin berangkat ka-Pulau Keingaran pada 7hb. Rajab malam Khamis serta dengan hamba raayat....."

Dari teks ini dapat-lah kita mengerti bahawa perkataan "hamba" itu di-maksud kepada "raayat". Oleh kerana dalam teks yang telah di-sebutkan di-atas ada nama Pengiran Mahmud ia-itu putera kepada Sultan Saiful Rijal yang telah menggunakan perkataan "hamba" untuk pengikut2-nya. sudah tentu perkataan "hamba" yang di-maksudkan itu di-maksudkan bagi sebutan "raayat" kerana ia ada-lah putera Sultan dan pengikut2-nya itu di-sebutkan sa-bahagian daripada "hamba-nya" untuk menguatkan sebutan perkataan "hamba" itu di-tujukan sa-bagai "pengikut". kerana maksud itu di-tujukan untuk meliputi keseluruhan kampong sa-olah2 menjadi suatu wilayah kepada-nya;

(c) sa-bagai satu istiadat di-Brunei yang lazim di-amalkan apabila orang kebanyakan berchakap dengan putera Sultan yang gahara atau Wazir, perkataan "hamba tuanku" di-gunakan bagi pengganti nama diri-nya. Ini menunjukkan perkataan "hamba" yang di-gunakan dalam teks ini telah jelas membawa erti "pengikut" atau "ra-

DALAM Buku "Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei" Bilangan 2 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, terdapat beberapa perkataan2 lama Brunei yang mungkin tidak begitu di-fahami oleh pembacha2 muda pada masa ini. Dan mungkin juga perkataan2 lama itu, mendarat-kan salah pengertian dan salah faham bagi sa-seorang pembacha.

Supaya tidak mengelirukan dan menyalah pengertian mengenai dengan perkataan lama Brunei yang terdapat dalam buku itu, maka Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah memberikan penjelasan seperti berikut:—

PENJELASAN PENGARAH DBP

yaat" bukan-lah bererti sa-bagai sa-orang yang di-sifatkan sa-bagai "ulun" atau abdi".

(d) Bagitu jua ganti nama diri orang kebanyakan apabila berchakap dengan Pengiran, ganti diri-nya di-ganti dengan perkataan "perhamba" erti-nya "hamba2" atau "raayat" dan bagitu jua orang-ramai di-Brunei menggunakan perkataan "hamba" sa-bagai ganti diri bila ia berchakap dengan orang yang sudah menunaikan fardhu haji; dan

(e) dalam teks yang di-tulis pada zaman Sultan Hassan juga ada terdapat mengenai dengan perkataan "hamba" ini yang mana sangat terang di-maksudkan pada "ra-yaat" seperti yang di-nukilkan di-bawah:—

"berpatek dan murka, dan

(Dari muka 2)

Dalam hal pelarian itu dan chara2 ia-nya di-laksanakan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan raayat Baginda yang ta'at lagi setra mensitikan sa-bagai satu perbuatan yang men-chabul keamanan, kesejahteraan dan keselamatan bangsa dan negara dan sa-bagai satu perbuatan yang bertangan dengan hukum Allah yang di-lakukan oleh sa-buah negara jiran yang di-fikirkan mempunyai ugama yang sama. Memandang kepada betapa serious-nya perbuatan pengkhianatan yang di-limparkan kepada raayat dan Negeri Brunei Darus Salam itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ingin menegaskan bahawa ini ada-lah satu perbuatan dan dosa yang tidak dapat di-ringankan dan ada-lah azam Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk mengambil tindakan2 pada membela (mem-pertahankan) penchabulan, keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian masharakat Brunei Darus Salam menurut chara2 yang bertemaddun melalui hukum Allah Subhanahu-Wataala dan segala tanggung-jawab akibat mengkhianatan itu ada-lah terserah dan ter-pikul kepada yang mengkhianati itu. Dari itu, raayat Negeri Brunei Darus Salam dan penduduk2 yang ikut berlindung di-bawah Panji2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada-lah sama2 menghadapi masa'alah ini dan menyedari pendirian jiran yang di-fikirkan jujur itu sekarang telah terbokti sa-bagai sa-buah negara yang telah mengkhianati terhadap sa-sama ugama, adat resam serta kebiasaan hidup dalam satu kehidupan berjiran sa-chara aman-damai dan harmoni.

nugeraha, dan kornia kerana bahasa itu sekalian-nya bahasa "hamba" ka-pada "Raja" bukan-nya bahasa hamba sa-sama hamba....."

Di-sini jelas-lah bahawa perkataan "hamba" yang di-maksudkan pada zaman itu ada-lah "raayat" atau "pengikut".

Dari pendapat2 yang tsebut di-atas ternyata-lah perkataan "hamba" yang di-gunakan dalam teks yang di-sebutkan bukan-lah di-maksudkan sa-bagai "abdi atau ulun" melainkan di-maksudkan sa-bagai "pengikut". Dari itu bagi orang2 yang menganggap peng-ertian "hamba" itu sa-bagai "ulun" dapat-lah memahami apa yang di-maksudkan oleh teks tersebut. Walau bagaimana pun oleh kerana perkataan ini ada-lah perkataan yang telah di-gunakan orang2 Brunei pada zaman lebih 300 tahun

dahulu maka tidak-lah dapat di-ertikan dengan menurut pendapat yang ada sekarang tanpa menye-jideki alasan2 yang lebih berkesan kerana masa yang sa-demikian jauh itu sudah tentu akan membawa pengertian yang berlainan daripada sastera yang ada pada masa ini menurut pertumbuhan perkembangan sastera.

Dengan kata yang lain jika di-pandang dari segi sejarah sudah tentu akan jelas kepada kita bahawa perkataan "hamba" yang di-sebutkan itu bermaksud sa-bagai "pengiring" atau "pengikut" dan peringatan itu di-chatet ada-lah sa-bagai satu penghormatan yang menunjukkan bahawa orang yang di-sebutkan ada-lah "pengiring" yang sentiasa berdiri tegoh di-belakang Pengiran Mahmud yang di-sebutkan. Mungkin juga di-antara Pengiran Mahmud dengan mereka itu ada mempunyai hubungan keluarga.



JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pemandu2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk jawatan Pemandu Tingkatan Khas di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejagat Perjawatan tidak lewat dari 20hb. Ogos, 1973. Ketua2 Jabatan sama-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikkan pangkat. Satu Chatatan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

BRUNEI telah berjaya mempertahankan kejohanan dalam perlawanan tenis antara tiga wilayah — Sarawak, Sabah dan Brunei — dan menyimpan sekali lagi piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Clement Chia.

Dalam perlawanan yang berlangsung di-Bandar Seri Begawan sa-lama tiga hari itu, Brunei telah berjaya mengalahkan Sabah dengan 4 perlawanan berbalas satu dan menewaskan Sarawak juga 4 — 1.

Leong Kin Yee dari Sarawak telah memenangi kejohanan perseorangan terbuka dan berjaya merebut piala yang di-hadiahkan oleh Shariat Harrison & Crossfield, (Sarawak).

Gambar atas menunjukkan pemain2 dari kita wilayah bergambar dengan pegawai2 mereka sa-belum perlawanan itu di-mulakan.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 5/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Maimunah bte. Abdullah @ Maimunah bte. Ngilau, Kg. Senukoh Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ngilau bin Sai yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 6/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Matussin bin Osman, Kg. Pekilong, Muara No. 162 Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Osman bin Karim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 7/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Nawi bin Haji Omar, Kg. Peliunan Batu Apoi, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Umar bin Mail yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan

kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 57/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hajjah Rafeah bte. Haji Tengah Kg. Ujong Tanjong Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Sulaiman bin Haji Mohammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 58/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Nor bin Timbang, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tinggal bin Timbang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 59/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Maksin bin Pukul, Pejabat Penchen, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pakol bin Laut @ Pukul bin Laut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 60/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh M. Sharibini bin Ismail, Pejabat Kerja Raya Bahagian Kerja Khas kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Laut @ Mail bin Laut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 61/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Adanan bin Ibrahim, Kampong Pekan Lama No. 38, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ibrahim bin Damit yang telah meninggal di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 63/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lian Sian Yin, Chop Yeo Hock, Hoe, Kg. Sangkarai Tutong Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Nyu Kian Chuan @ Yeo Kian Chuan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-

ngan sebab ia-itu si-pemohon ialah ba'u kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 64/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ins. Mohammad bin Haji Zainal Abidin, Balai Polis Daerah Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad, yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 65/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ins. Mohammad bin Haji Zainal Abidin, Balai Polis Daerah Bandar Seri Begawan Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta yang di-punyai oleh Rahmah bte. Mohamad @ Muhammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 4 hari-bulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Julai, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Penchabulan

(Dari muka 1)

bagi mempertahankan kesalamatan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Brunei menurut chara2 yang bertamaddun melalui hukum2 Allah.

Segala tanggung-jawab akibat mengkhianat itu, ada-lah tersebut dan terpikul kepada yang mengkhianati-nya itu.

Kapada raayat Negeri Brunei Darus Salam dan penduduk2 yang ikut berlandong dibawah panji2 kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia, kenyataan itu mengingatkan bahawa peristiwa tersebut adalah satu masalah yang perlu di-hadapi bersama.

Kenyataan itu menyeru raayat supaya menyedari pandirian jiran yang di-fikirkan jujur itu, tetapi sekarang telah terbokti sa-bagai sa-buah negara yang telah mengkhianati terhadap sa-sama ugama, adat resam serta kebiasaan hidup dalam satu kehidupan berjiran sa-chara aman damai dan harmoni.

(Kenyataan penuh yang di-ku-luarkan oleh kerajaan mengenai dengan pelarian orang2 tahanan itu di-siarkan di-muka 2).

Pemain2 badminton di-seru supaya bergiat bagi meninggikan mutu permainan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkihah telah mengharapkan supaya lapangan badminton di-Brunei akan terus di-majukan dari satu masa ka-satu masa dengan harapan pemain2 tempatan dapat berkebolehan bagi memasuki ka-gelanggang badminton antarabangsa.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian di-upacara pembukaan rasmi perlawanan badminton persahabatan antara pemain2 Bandar Seri Begawan dengan Rose Badminton Party dari Singapura yang berlangsung di-Pusat Belia pada malam 25hb. Julai yang lepas.

Yang Teramat Mulia menyeru kepada pemain2 muda tempatan supaya terus bergiat dalam lapangan badminton untuk meninggikan mutu permainan mereka dan tidak akan merasa jemu atau bosan dalam mengadakan perlawanan2 dalam negeri.

Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, Persatuan Kekal telah menganjurkan perlawanan2 seperti itu sejak empat tahun yang lalu dan Yang Teramat Mulia berharap supaya usaha seperti itu akan terus di-laksanakan demi mengasah lebeh ramai lagi pemain2 muda di-Brunei yang berbakat.

Menyentuh mengenai perlawanan yang di-adakan pada malam itu, Yang Teramat Mulia menisfatkan perlawanan itu sa-bagai satu usaha pendurong kepada pemain2 muda di-Brunei kerana ia-nya bukan saja menjadi satu kegemaran ramai bahkan akan merupakan satu latihan jasmani dari segi kesihatan dan mental.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi Perlawanan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain dalam ucapan-nya telah mengharapkan supaya banyak lagi pemuda2 di-Brunei akan tampil ka-badapan menunjukkan bakat mereka di-lapangan badminton.

Yang Berhormat itu perchaya bahawa Brunei mempunyai minat yang sama untuk menghantar pemain2-nya ka-pestas perlawanan badminton yang berchorak antarabangsa di-masa akan datang.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkihah bersabda sa-belum merasmikan perlawanan itu.

Derma utk mangsa2 kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Pembinaan Rumah dan Bantuan Mangsa Kebakaran yang telah di-bentuk baru2 ini telah menerima lebeh \$700.00 sumbangan dari orang ramai.

Y.B. Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Laila Utama Awg. Haji Mohd. Yusof dan Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain masing2 menderma sa-banyak

\$200.00; Harrison & Crossfield (Sabah) Sdn. Berhad Brunei, \$145.00; A. Muthian, \$101.00; Bank of America, \$51.00; Andrew Paattie & Company, \$30.00 dan M.P. Abdul Rasheed Barkath Store, Chong Boon Guan dan Awg. Ismail masing2 menderma sa-banyak \$20.00.

Setia Usaha Lembaga itu. Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Damit menguchapkan terima kasih kepada penderma2 tersebut dan memberi penghargaan kepada pehak kerajaan yang telah membenarkan pengutipan derma dari orang ramai sa-hingga 30hb. September, 1973.

Pengiran Badaruddin berkata, Lembaga itu maseh menerima apa juga jenis sumbangan daripada orang ramai sa-hingga tarikh kebenaran itu.

Lembaga itu, kata-nya akan sentiasa bekerjasama dan menyekurahkan derma2 tersebut kepada pehak Jabatan Kebajikan Masyarakat sa-hingga sempurna tujuan Lembaga itu.

Lebeh \$9,000 utk derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping cek bernilai \$7,610.35 dari Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkihah, Gadong untuk derma pembinaan stadium, dalam satu majlis penyampaian yang telah di-adakan di-Maktab tersebut pagi malam.

Wang tersebut ada-lah di-perolchi dari usaha projek temasha Berjalan Kaki (Walkathon) yang telah di-adakan oleh penuntut2 maktab itu pada 27hb. Julai yang lalu untuk tujuan mengutip derma tabong pembinaan stadium.

Lain2 derma yang di-terima sa-panjang minggu lalu ia-lah \$1,300.00 dari Sekolah Menengah Melayu SMJA; \$300.00 dari tuan punya Sharikat Jasa Perwira; \$100.00 dari Dayang Norah binte Osman, sa-orang pedagang tamu dan sa-orang penduduk dari Kampung Batu Ampar, Pengkalen Batu, Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Daud menderma sa-banyak \$51.00.



Dato G.V. de Freitas (kiri) mengahutkkan ketibaan ahli2 Yang Berhormat itu.

10 orang ahli M.M.N. melawat J.P.P. dan D.B.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 10 orang ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di-lantek yang di-ketuai oleh Juru Tulis Majlis Mashuarat, Awang Judin bin Asar telah melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan pada hari Rabu minggu lalu.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Dato G.V. de Freitas dan Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang Salleh bin Abdul Kadir telah mengahutkkan ketibaan rombongan itu.

Rombongan ahli2 Yang Berhormat itu kemudian telah di-bawa melawat dan menyaksikan studio lama dan baru, bilek berita, bilek unit filem dan bilek penggambaran dan rombongan itu telah di-berikan penerangan oleh pegawai2 kanan di-bahagian masing2.

Rombongan itu kemudian-nya telah menyaksikan tayangan filem mengenai lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei di-Dewan Raya.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan Dato G.V. de Freitas dalam ucapan alu2an-nya antara lain telah menguchapkan terima kasih atas lawatan ahli2 Yang Berhormat ka-jabatan itu.

Dato Freitas mengharapkan, dengan lawatan itu mereka akan berpeluang dapat memerhatikan dan mengetahui sendiri mengenai masalah2 di-jabatan itu.

Pada sebelah petang rombongan itu telah melawat ka-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka dan telah di-alu2kan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri.

Rombongan itu kemudian-nya di-bawa melawat dan menyaksikan ka-beberapa bahagian oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr dan pegawai2 kanan di-jabatan itu.

Mengancham kesentosaan raayat

(Dari muka 1)

Berchakap tentang penapokan beras yang mungkin di-lakukan oleh sa-tengah2 pekedai di-negeri ini, Yang Berhormat itu menegaskan, bahawa jika thabit kesalahan itu, Kerajaan boleh merampas-nya.

Perbuatan menapok barang2 makanan yang di-perlukan oleh raayat itu, tegas beliau, ada-lah satu perbuatan yang sama sekali tidak di-kehendaki, bahkan di-anggap sa-bagai satu perbuatan yang mengancham kesentosaan raayat.

Menyentuh tentang perhubungan untuk melarikan beras dari Brunei, Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menegaskan, bahawa dibawah undang2 kastam, Kerajaan

tidak akan teragak2 untuk bertindak terhadap sa-siapa jua yang di-shaki melakukan perbuatan jenayah itu.

Melalui undang2 itu, tegas beliau, Kerajaan tidak hanya berhak untuk merampas yang hendak diseludopkan keluar dari kawasan Brunei itu, tetapi Kerajaan juga akan mendakwa orang2 yang jahat itu ke-mahkamah.

Dalam membasmi semua perbuatan2 jahat yang boleh memporak-perandakan ketenteraman negara dan kebahagiaan raayat itu, Yang Berhormat itu menyeru orang ramai supaya memberikan kerjasama yang sepenoh-nya dengan membuat laporan2 segera kepada pehak2 yang berkenaan, termasuk polis dan kastam.